

Zahid yakin Pota dapat kurangkan angka pengganas dalam Negara
The Malaysian Insider
Oct 2, 2015
Oleh Yasmin Ramlan

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yakin selepas Akta Pencegahan Keganasan (Pota) diperkenalkan, bilangan mereka yang berpotensi sebagai pengganas di negara ini akan berkurangan.

Menteri Dalam Negeri itu berkata demikian ketika mengulas lanjut mengenai sama ada keadaan di Syria sedia ada akan mempengaruhi lebih ramai rakyat Malaysia menyertai kumpulan militan Negara Islam Iraq dan Syria (Isis).

"Saya rasa dengan usaha yang diambil oleh polis, apabila Pota diperkenalkan, angka pengganas yang berpotensi sudah berkurangan.

"Dan saya berharap ia akan mencapai angka sifar keganasan atau sifar pengganas," katanya selepas mempengerusikan perjumpaan "Special Asean Ministerial Meeting on the Rise of Radicalisation and Violent Extremism (SAMMRRVE) di Kuala Lumpur hari ini.

Beliau berkata, ancaman keganasan di Malaysia tidak berada pada tahap yang serius namun, negara akan sentiasa bersedia menanganinya.

Sementara itu, katanya, dari segi kebimbangan pertukaran maklumat risikan di kalangan pengganas Isis rakyat Malaysia, beliau berkata pihak berwajib akan sentiasa memantau mana-mana rakyat negara ini yang pulang dari Syria.

"Berdasarkan pertukaran maklumat risikan, bila tibanya mereka (dari Syria), kita sudah kenal pasti mereka, dan mereka akan ditahan.

"100% mereka ini sekarang adalah di bawah pengawasan kami," katanya.

Terdahulu, Zahid berkata, Pota hanya akan digunakan ke atas mereka yang terlibat dalam tindakan keganasan sahaja, bukan bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Akta berkenaan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada April lalu menyaksikan lima pindaan rang undang-undang dibuat bersamanya, termasuk Kanun Keseksaan.

Katanya, Pota akan menggantikan tempat Akta Pencegahan Jenayah (Poca) di mana tiada yang akan teraniaya menerusi akta baharu itu. – 2 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/zahid-yakin-pota-dapat-kurangkan-angka-pengganas-dalam-negara>